

27/09/2000

Antara idealisme, politik Melayu, Islam

Armizan Mohd Ali

LANTARAN kelantangan Jawatankuasa Rayuan Pilihanraya Persatuan Cina Malaysia (Sugiu) dengan 17 tuntutan pilihan raya dan kenyataan individu tertentu yang mahu hak keistimewaan Melayu dihapuskan, sebahagian besar masyarakat Melayu disedarkan daripada kealpaan mereka mengenai nasib dan kelangsungan mereka pada masa depan.

Kelalaian masyarakat Melayu ini adalah natijah daripada perpecahan yang berlaku di kalangan mereka, lantaran keghairahan merebut kuasa politik sesama Melayu yang berbekalkan nama dan idealisme perjuangan masing-masing, iaitu 'Melayu' dan 'Islam'.

Berbeza dengan keadaan ketika kali pertama Sugiu mengemukakan tuntutan mereka pada 1999, reaksi orang Melayu terhadap 'ulang tahun pertama' tuntutan Sugiu ini jelas lebih ketara, ada yang emosional dan ada marah serta pelbagai bentuk maklum balas lain.

Selama ini, mereka membutakan mata dan memekakkan telinga daripada melihat dan mendengar perkara lain, khususnya yang membabitkan bangsa lain kerana seronok dihiburkan dengan ceramah politik, pembongkaran skandal dan isu sensasi lagi panas, lawak jenaka sama ada secara sedar atau tidak mengaibkan individu atau pihak yang hakikatnya sebangsa dan seagama dengan mereka.

Benarlah seperti yang selalu dikatakan, memang sifat orang Melayu tidak senang melihat rakan sebangsa mereka senang. Bagi sesetengah kelompok, selagi seseorang Melayu itu belum sepenuhnya diaibkan dan dicabuli maruahnyanya, selagi itu mereka belum mencapai kepuasan mutlak.

Namun, walau apa jua faktor langsung yang membawa kepada reaksi luar biasa orang Melayu, yang mengecewakan daripada peristiwa berkenaan ialah ia tidak mendatangkan kesan yang besar terhadap sikap mereka untuk menyedari, menginsafi dan memahami mengenai keperluan, walaupun tidak penyatuan sekurang-kurangnya perpaduan sesama Melayu. Lebih malang lagi bukannya peristiwa berkenaan dijadikan teladan dan pengajaran, sebaliknya ada pula sekumpulan Melayu yang menjadikannya modal politik baru mereka menyedari hakikat modal lama masih belum mencukupi untuk memastikan kuasa mentadbir negara berada di tangan mereka.

Gara-gara terlalu ghairah mendapatkan kuasa, lantaran keputusan pilihan raya lalu seolah-olah memberikan cahaya untuk menggenggam kuasa itu. Ada pula ahli politik Melayu yang menjadi ketua kerajaan dalam sebuah negeri yang majoritinya Melayu cuba mengalihkan isu dengan harapan untuk menarik minat bangsa lain untuk memberikan sokongan politik kepada mereka.

Menurut pemimpin itu, hak keistimewaan orang Melayu disifatkan tidak penting, namun apa yang penting adalah hak orang miskin. Inilah retorika orang politik yang longgar idealismenya, terhakis kesabarannya dan tergadai maruah perjuangannya lantaran keinsafan mereka terhadap kesilapan pendekatan masa lalu mereka. Bagi ahli politik seumpama itu, idealisme perjuangan mereka mudah, iaitu jika inginkan kuasa politik, semua boleh jadi, biar menjilat ludah sendiri, biar syaitan dihampiri, biar nasib bangsa diletakkan ke tepi dan biar kesucian agama dinodai kerana itu saja jalan yang ada. Biar matlamat menghalalkan cara.

Siapakah orang miskin yang dimaksudkan pemimpin berkenaan? Bukankah rata-rata golongan miskin adalah Melayu? Pada 1970 contohnya, daripada 49.3 peratus kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia, masyarakat Melayu adalah sebahagian besar daripadanya. Bagi setiap 100 orang, sebanyak 64.8 peratus dikategorikan sebagai miskin, manakala bagi setiap 100 masyarakat

Cina, hanya 26 peratus yang miskin dan India pula 39.2 peratus golongan miskin. Terlupakah beliau orang Melayu yang sudah keluar daripada garisan kemiskinan, juga masih memerlukan biasiswa ataupun pinjaman pendidikan untuk membolehkan anak mereka melanjutkan pelajaran? Tidakkah beliau ketahui sebahagian orang Melayu masih memerlukan kuota untuk menjamin tempat di institusi pengajian tinggi? Selaku ketua kerajaan di peringkat negeri, apakah beliau masih belum mengetahui betapa sukarnya orang Melayu bersaing dalam perniagaan tanpa sebarang bantuan kerajaan apabila hampir keseluruhan sektor ekonomi dimonopoli bangsa lain? Bukankah semua isu itu menuntut agar kepentingan hak keistimewaan orang Melayu terus diberikan keutamaan.

Tidak dinafikan, masih ada golongan miskin daripada bangsa lain, termasuk Cina sendiri. Hakikatnya, kerajaan tidak pernah menafikan hak golongan ini untuk menikmati hidup yang sejahtera. Malah, Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan pada 1970 dan dilaksanakan bermula dari 1971 hingga 1990, mempunyai dua objektif asas, iaitu pembasmian kemiskinan di kalangan seluruh rakyat tanpa mengira bangsa dan penstrukturan semula masyarakat Malaysia demi mengurangkan jurang perbezaan taraf ekonomi yang wujud di antara kaum serta antara kawasan bandar dan luar bandar. Maka, pelbagai langkah yang diguna pakai bagi merealisasikan matlamat itu. Antaranya, pendekatan untuk memastikan pemilikan dan pengurusan ekuiti masyarakat Melayu dan kaum Bumiputera yang lain mencapai tahap 30 peratus. Jadi, persoalannya bukanlah hak golongan miskin kerana perkara itu sudah mendapat jaminan kerajaan, namun hak keistimewaan masyarakat Melayu, yang hakikatnya masih diperlukan dan dicabar secara terbuka oleh Suqiu. Apa yang jelas, politikus berkenaan mungkin tidak memahami isu, cuba mengalihkan persoalan untuk mendapatkan modal politik atau sememangnya bermaksud untuk menghapuskan hak yang sudah dijamin oleh Perlembagaan dengan niat memikat hati masyarakat Cina melalui Suqiu.

Selain itu, sebahagian pemimpin pembangkang, khususnya Pas masih terus dengan teori sandiwara mereka. Peristiwa berkenaan didakwa sebagai satu lagi sandiwara Umno untuk meraih sokongan orang Melayu.

Dalam banyak peristiwa yang berlaku di negara ini, satu isu yang boleh dianugerahkan sebagai sandiwara teragung sepanjang zaman ialah penipuan yang dilakukan Pas terhadap masyarakat Melayu dan Islam di Malaysia dengan agenda mendaulatkan undang-undang Islam, khususnya pelaksanaan hukum hudud di negara ini. Ini kerana bukan saja sandiwara itu berpanjangan, sungguhpun disenyapkan seketika ahli barisan pembangkang, malah menyebabkan begitu ramai orang Melayu tertipu dan tidak kurang juga yang dikafirkan. Apabila berjaya menawan dua negeri - Kelantan dan Terengganu - sandiwara itu tetap diteruskan, namun dengan skrip dan nada baru untuk pelakon yang memegang watak utama. Satu persoalan yang masih menjadi tanda tanya, kalau benar-benar pemimpin Pas percaya dan yakin dengan pendekatan perjuangan mereka, mengapa perlu takut pada manusia yang hanya makhluk Allah swt untuk melaksanakan hukum hudud dan biarlah hukum itu benar-benar seperti yang ditentukan Allah dan bukannya ciptaan Pas.

Biar apa sekalipun pandangan, tindakan dan interpretasi sebahagian masyarakat Melayu terhadap peristiwa itu dan pendirian mereka terhadap hak keistimewaan Melayu, usaha harus dilipatgandakan membabitkan perancangan dan pelan tindakan yang komprehensif serta digerakkan secara kolektif. Seperkara yang tidak kurang pentingnya juga ialah hak keistimewaan orang Melayu perlu dikekalkan. Alhamdulillah, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah menegaskan Umno tidak akan berundur walaupun selangkah dalam isu hak keistimewaan orang Melayu. Pendirian beliau jelas disokong padu oleh hampir keseluruhan pemimpin tertinggi Umno.

Satu aspek yang perlu diteliti semula dan diberikan penekanan serius ialah mengenai isu pemilikan 30 peratus ekuiti Bumiputera dalam sektor

ekonomi. Kegagalan mencapai matlamat itu dengan berakhirnya tempoh 20 tahun rancangan jangka panjang melalui DEB bukanlah bermakna orang Melayu, termasuk pemimpin Melayu gagal, namun apa yang gagal hanyalah percubaan kita. Jadikanlah kegagalan itu pengajaran dan panduan bagi semua warga Melayu untuk meneruskan perjuangan yang belum selesai itu. Lagipun, sekiranya diteliti secara mendalam, usaha kita sebelum ini membuahkan hasil walaupun tidak berjaya mencapai matlamat ditetapkan.

Beberapa faktor juga dikenal pasti sebagai punca ketidakmampuan mencapai matlamat itu sebelum ini. Antaranya, kewujudan rangkaian dan susunan ekonomi yang dimonopoli kaum tertentu, natijah daripada dasar pecah perintah penjajah. Begitu juga, permasalahan sikap golongan Bumiputera, terutama usahawan Melayu sendiri yang lebih banyak menuding jari menyalahkan pihak kerajaan daripada berusaha untuk memperbetulkannya.

(END)